



Association for Researcher of Skills &
Vocational Training (ARSVOT)
Thought :: Innovation :: Respond :: Applied

ANP

ISSN 2773-482X eISSN 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v4i1.1.2023>



ANP
JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE
AND HUMANITIES

Kajian Kepentingan Bimbingan Ibu Bapa dalam Praktis Solat melibatkan Kanak-Kanak Tadika: Satu Analisa Keperluan untuk Membangunkan Panduan yang Berkesan

Kamaruddin, Khairizah^{1*}, Mohd Jamil, Mohd Ridhuan², Abdul Razak, Aishah³, Othman, Mohd Syaubari²

¹ National Child Development Research Centre (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, 35900, MALAYSIA

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, 35900, MALAYSIA

³ Center for Innovative Systemic Design and Content, Multimedia University
Cyberjaya, Selangor, 63100, MALAYSIA

*Corresponding Author : khairizahk@gmail.com

Available online 11 May 2023

Abstract: Latihan praktis solat diperkenalkan kepada kanak-kanak Malaysia seawal usia lima atau enam tahun, selaras dengan Kurikulum Pra-Sekolah Standard Kebangsaan 2017 (KSPK), di bawah Tunjang Kerohanian yang memberi tumpuan kepada membina asas ibadah. Walau bagaimanapun, penglibatan ibu bapa sangat penting untuk memastikan anak-anak terus mengamalkannya di rumah dan melakukannya dengan betul. Walaupun kajian menunjukkan faedah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan kanak-kanak, rintangan seperti kekangan masa dan kurangnya pengetahuan tentang cara terlibat dalam aktiviti pembelajaran menghalang usaha ibu bapa. Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada menjalankan analisis keperluan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti solat amali bagi kanak-kanak berusia enam tahun. Kajian ini melibatkan temubual 11 ibu bapa kanak-kanak enam tahun yang menghadiri kelas Pra Tahfiz dan telah mendaftar di dalam program tersebut selama sekurang-kurangnya dua tahun. Peserta dipilih secara persampelan bertujuan, dan temubual separa berstruktur digunakan untuk mengumpul data. Analisis bertujuan menjawab empat soalan kajian: a) Adakah pemahaman ibu bapa tentang pelaksanaan aktiviti solat amali bagi kanak-kanak berusia enam tahun? b) Adakah penglibatan dan pelaksanaan aktiviti solat amali bagi kanak-kanak di rumah? c) Apakah cabaran yang dihadapi ibu bapa apabila melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti solat amali? d) Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti solat amali bagi kanak-kanak berusia enam tahun? Keputusan menunjukkan terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan, yang akan memberi tumpuan kepada peringkat seterusnya dalam proses Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR).

Keywords: *Reka Bentuk dan Pembangunan Penyelidikan (DDR), panduan ibu bapa, praktis solat, pendidikan awal kanak-kanak*

1. Introduction

1.1 Solat Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) didefinisikan sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam persekolahan di peringkat sekolah rendah (Nachiappan, 2014). Di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak mempunyai dua kategori iaitu Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) bagi kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah dan Taman Didikan Kanak-kanak bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Justeru itu, konsep penubuhan TADIKA dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak yang

berumur antara empat hingga enam tahun bagi menyuburkan potensi diri dalam semua aspek termasuk perkembangan menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan awal sebelum memasuki ke alam peringkat persekolahan rendah. Ianya adalah selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017 (KSPK).

Menelusuri sistem pendidikan Malaysia, matlamat KSPK adalah untuk membangunkan potensi murid berusia empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan menyepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Hal ini dapat meningkatkan kemahiran, membentuk konsep sendiri dan menanam keyakinan yang positif pada murid agar mereka bersedia menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran tahap pendidikan formal di sekolah rendah. KSPK digubal berdasarkan prinsip amalan yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri

Tujuan pendidikan Islam ialah untuk menghasilkan individu Muslim yang berpengetahuan, menghayati dan mengamalkan ilmu tersebut. Selain itu, ia juga memperkuat kepercayaan individu terhadap agama (Yusof, 2011). Sebagai ibu bapa Muslim di dunia sains dan teknologi serta dunia moden yang mencabar ini, ramai ibu bapa memilih program TADIKA yang mengintegrasikan ajaran Islam dalam akademik dan kemahiran pelajar. Ramai ibu bapa ingin anak-anak mereka mempunyai kemahiran membaca, menulis, mengira, berfikir, bahasa dan komunikasi, serta pada masa yang sama, mampu membaca Al-Quran, menunaikan solat, mempraktikkan nilai-nilai Islam dari segi adab dan personaliti, serta menghafaz surah Al-Quran. Menurut Dahalan, (2009), adalah tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan anak-anak terdidik dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu, ibu bapa perlu memastikan prasekolah yang mereka pilih dapat membantu pembelajaran berlandaskan Islam. Begitu juga dengan kajian Kassim et al., (2015) pembelajaran yang berlandaskan syariat Islam bukan sahaja menguasai bidang teknikal dan akademik semata-mata, tetapi lebih ke arah pemupukan nilai dan pembentukan akhlak (Aziz Rekan et al., 2016).

Seperti terkandung didalam pendidikan Islam di bawah, Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi tumpuan kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Pemupukan asas-asas ibadah seperti mengambil wuduk, mengetahui tentang solat fardu, melakukan simulasi dalam solat dan memahami ibadah puasa menjadi aspek yang dititikberatkan. Pelaksanaan aktiviti amalan dapat dilihat melalui latihan mendirikan solat oleh Rasulullah SAW pada kanak-kanak melalui sabdanya "Suruhlah anak-anakmu mengerjakan solat ketika umur mereka tujuh tahun, dan pukullah anakmu yang meninggalkan solat ketika mereka berusia sepuluh tahun" (Hadis riwayat Abu Daud). Berdasarkan pemahaman hadis tersebut, pembelajaran tentang solat perlu diterapkan dan diperkenalkan sebelum kanak-kanak itu mencapai usia tujuh tahun lagi. Pengabaian solat dapat menyebabkan keruntuhan akhlak remaja seperti terjerumus dalam pelbagai perbuatan negatif seperti mencuri, berbohong, boros, merokok, merogol dan bermegah-megah (Hussain, 2006 dan remaja yang tidak menunaikan solat dengan konsisten lebih mudah terjebak dalam gejala sosial (Jusoh & Suhardi, 2004). Kajian oleh Abdul Muqith, (2018) menjelaskan bahawa individu yang menjaga solatnya, merupakan mereka yang penuh keyakinan dan keimanan serta patuh terhadap perintah Allah SWT. Pendapat ini disokong oleh Jeperi., (2015) dimana kajian yang dibuat didapati masalah akhlak dan sahsiah yang kian meningkat dan meruncing ini mempunyai hubungan yang kuat dengan amalan solat dan akhlak. Kanak-kanak yang sentiasa menunaikan solat juga didapati mempunyai nilai akhlak yang tinggi. Oleh kerana itu, ibadah solat fardu yang dijalankan dengan konsisten sejak usia muda penting untuk membentuk moral dan karakter yang baik bagi remaja. Terdapat juga kajian yang menunjukkan pelajar sekolah menghadapi kesulitan untuk mempraktikkan amalan agama ketika di luar sekolah (Mahamud et al., 2018).

Jelas dari kajian-kajian diatas kepentingan praktis solat ini perlu diperkenalkan dan diterapkan bermula di prasekolah agar ianya dapat memperkukuhkan pemahaman kepentingan solat seawal enam tahun. Ianya seiringan kandungan KSPK di dalam Pendidikan Islam dibawah Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dimana pemupukan asas ibadah seperti melakukan wuduk, mengetahui bacaan zikir dan doa ketika solat, melakukan simulasi praktis solat menjadi aspek utama yang dititik beratkan. Seterusnya ianya mungkin boleh menjadi benteng berlakunya kerosakan moral ketika kanak-kanak ini menghampiri usia remaja seperti kajian terdahulu dibuat disebabkan pengabaian ibadah solat ini. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mendidik kanak-kanak di TADIKA ini tidak hanya terletak di guru-guru mereka di prasekolah kerana ibu bapa merupakan guru pertama yang mendidik anak-anak sebelum mereka masuk ke prasekolah. Oleh itu, ibu bapa perlu terus terlibat dalam aktiviti pembelajaran anak-anak kerana ini merupakan aspek penting dalam perkembangan kanak-kanak tersebut. Menurut ('Ulwan et al., 1996), ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Ini selaras dengan kajian (Mahamud et al., 2018) di mana falsafah Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa keluarga dan sekolah merupakan dua institusi terpenting untuk memupuk personaliti kanak-kanak dan remaja.

1.2 Penglibatan Ibu Bapa dan Cabaran: Analisa Daripada Tinjauan Literatur

Keterlibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran merupakan salah satu aspek penting dalam pendidikan prasekolah yang berkait rapat dengan kejayaan akademik anak-anak. Daripada hasil kajian sebelum ini, adalah diperjelaskan bahawa kehadiran ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak secara langsung adalah amat penting untuk meningkatkan pencapaian akademik anak-anak (Cooper et al., 2006; Fauziah Ibrahim et al., 2012; Jalal et al., 2014). Oleh itu, adalah amat disyorkan bahawa ibu bapa turut terlibat dalam proses pembelajaran anak-anak mereka, kerana ianya adalah satu faktor yang penting dalam membantu meningkatkan pencapaian dan kejayaan anak-anak dalam bidang pendidikan prasekolah.

“Kanak-kanak merupakan amanah dan tanggungjawab orang tuanya, jiwanya yang suci murni merupakan permata mahal yang bersahaja dan bebas dari ukiran dan gambaran, dan ia boleh menerima setiap ukiran dan cenderung kepada apa yang dicenderungkan kepadanya.” (Ghazali et al., 2008). Kajian terkini menunjukkan bahawa perkembangan pembelajaran kanak-kanak memerlukan usaha bersama antara guru dan ibu bapa. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak di prasekolah dianggap penting untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak dengan memberikan manfaat seperti meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak, membantu kanak-kanak memahami aktiviti dan kurikulum di sekolah, dan membolehkan ibu bapa berkongsi masalah serta bertanya soalan kepada guru tentang perkembangan anak-anak mereka

Banyak kajian yang menyokong dan mengutarakan kebaikan serta faedah penglibatan ibu bapa. Kajian yang dilakukan oleh (Joyce & Hipkins, 2004) menunjukkan bahawa dengan penyertaan dan sokongan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran, serta penyediaan bahan pembelajaran yang sesuai, dapat meningkatkan kemampuan pembelajaran di kalangan kanak-kanak. Selain itu, kajian oleh (Cooper et al., 2006) menemukan bahawa penglibatan ibu bapa dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan perkembangan diri, emosi, dan pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran. Oleh itu, penting bagi ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pembelajaran solat anak-anak mereka di usia muda.

Terdapat banyak halangan yang menghalang usaha ibu bapa untuk terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam aktiviti yang dijalankan (Jalal et al., 2014; Mahamud et al., 2018). Ini mengakibatkan tiada kesinambungan dibuat di rumah atau luar dari sekolah. Ibu bapa tidak tahu bagaimana untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Kekekangan untuk ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti adalah kurang. Menurut kajian (Ishak, 1998; Jalal et al., 2014) kekekangan masa adalah penyebab mengapa ibu bapa tidak melibatkan diri. Kajian ini memberi tumpuan kepada penglibatan ibu bapa di rumah dalam aktiviti praktis solat. Walaupun guru mengajar cara wuduk dan cara solat secara teori di dalam kelas dan melaksanakan secara praktikal ketika solat sunat dan waktu solat fardu zohor atau asar, adakah praktis solat diteruskan di rumah? Oleh itu, adalah penting untuk memahami kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran kanak-kanak dan aktiviti praktis seperti solat untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak di prasekolah.

1.3 Tinjauan Kajian Literatur

Tujuan utama kajian adalah untuk membangunkan suatu garis panduan yang dapat membantu penglibatan ibu bapa di rumah di dalam aktiviti praktis solat, melalui kajian kes pada kanak-kanak berusia enam tahun di sebuah TADIKAWASTA di Telok Panglima Garang. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan atau lebih dikenali sebagai Design Development Research (DDR) yang dikembangkan oleh (Richey & Klein, 2014). Ia merupakan suatu kaedah penyelidikan yang bertumpu pada rekabentuk keperluan untuk menyelesaikan masalah yang diperlukan melalui tiga fasa iaitu Pertama, Fasa Analisis Keperluan, Kedua: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Ketiga: Fasa Penilaian Kebolegunaan

Kertas kajian ini memberi tumpuan kepada fasa pertama proses DDR iaitu analisis keperluan. Analisis ini bertujuan untuk menjawab empat soalan penyelidikan: a) Adakah pemahaman di kalangan ibu bapa tentang pelaksanaan aktiviti solat praktikal bagi kanak-kanak berumur enam tahun? b) Adakah keterlibatan dan pelaksanaan aktiviti solat praktikal bagi kanak-kanak di rumah? c) Apakah cabaran yang dihadapi ibu bapa apabila melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti solat praktikal? d) Adakah terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan untuk keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti solat praktikal untuk kanak-kanak berumur enam tahun?. Fasa ini penting kerana ia melibatkan penyelidik dalam mengenal pasti setiap persoalan kajian yang digunakan dalam membentuk model yang dibangunkan (Noh et al., 2019). Ia juga merupakan peringkat yang kritikal dalam pembangunan sesuatu produk. Analisis keperluan dapat dicapai melalui pengguna secara langsung atau tidak langsung bagi melihat permasalahan yang timbul dan meramalkan penyelesaian terhadap keperluan pengguna di masa hadapan. Dalam konteks kajian ini, pengguna yang dimaksudkan adalah ibu bapa dan guru

2. Metodologi

Bagi tujuan kajian ini, kaedah tinjauan telah dianggap memadai untuk mendapatkan pandangan mengenai isu dan masalah yang berkaitan. Pendekatan ini juga diterangkan oleh (Sekaran & Bougie, 2009) sebagai kajian yang direka bentuk mengikut amalan piawai dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Penyelidik telah memilih kaedah tinjauan temubual untuk mengenalpasti keperluan dan kesesuaian pembangunan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti

praktis solat bagi kanak-kanak berumur enam tahun. Kaedah tinjauan ini dipilih berdasarkan konsensus yang dicapai oleh (Abdul Muqstith, 2018)

2.1 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, temubual separa berstruktur telah dipilih sebagai instrumen untuk mengumpulkan data yang akan dianalisis. Temubual ini merujuk kepada soalan-soalan yang telah ditentukan terlebih dahulu, tetapi jawapan yang diberikan adalah terbuka dan boleh dikembangkan mengikut kehendak penemubual iaitu, susunan dan ayat-ayat soalan boleh diubah suai semasa temubual untuk mendapatkan maklumat yg paling berkesan. Responden yang ditemubual mempunyai kebebasan untuk menyatakan pandangan mereka mengikut cara yang dikehendaki semasa menjawab soalan. Temubual ini dijalankan secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom kerana pada masa kajian dilakukan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dilaksanakan dan temubual secara bersemuka tidak memungkinkan

Sebelum temubual dilakukan, penyelidik telah meminta responden untuk mengisi borang bahagian A mengenai demografi atau latar belakang mereka. Manakala bahagian B terdiri daripada 14 soalan yang disesuaikan dengan objektif kajian berkaitan dengan fasa analisis dan telah diubahsuai berdasarkan soalan kajian oleh (Sophia & Reinhardt, 2016) Selain itu, analisis dokumen turut digunakan sebagai salah satu kaedah pengumpulan data. Dalam kajian ini, dokumen yang digunakan termasuk takwim, memo aktiviti, rekod kehadiran ibu bapa untuk aktiviti yang dijalankan, rekod komunikasi guru memberikan arahan tentang aktiviti yang memerlukan kerjasama ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran dan apa-apa dokumen atau rekod berkaitan senarai semak serta rekod catatan ibu bapa tentang aktiviti praktis solat

2.2 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih peserta kajian yang dapat membantu penyelidik memahami masalah dan persoalan kajian, serta meningkatkan kredibiliti dapatan kajian. (Patton, 1990). Sebelas orang ibu, bapa, atau penjaga kanak-kanak enam tahun dipilih sebagai sampel kajian. Bilangan sampel yang sedikit dipilih kerana kajian ini menumpukan kepada pemahaman mendalam tentang isu yang dikaji dan bergantung kepada individu yang mampu memberikan huraian mendalam tentang pengalaman mereka (Liamputtong & Ezzy, 2005). Beberapa kriteria telah ditetapkan untuk pemilihan sampel, iaitu TADIKA swasta yang beroperasi lebih dari dua tahun, kanak-kanak yang telah mengikuti program TADIKA terbabit sekurang-kurangnya dua tahun sebelum ini, dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah biasa dan memahami program serta modul pembelajaran TADIKA terbabit. Kajian ini dijalankan di sebuah TADIKA di Bandar Rimbau, Selangor. Pemilihan lokasi kajian yang hanya melibatkan sebuah TADIKA bertujuan untuk mengawal subjek kajian (Othman, 2006). Beberapa faktor telah dipertimbangkan, seperti kesediaan TADIKA, kebenaran ibu bapa untuk menjalankan kajian ke atas kanak-kanak, dan kesediaan guru untuk bekerjasama sebagai peserta dalam kajian. Semua ibu bapa atau responden yang dipilih memberikan persetujuan untuk menjalankan kajian ini dengan memberi kebenaran untuk diwawancara

2.3 Analisis Data

Data yang diperolehi semasa proses pengumpulan data kemudian dianalisis menggunakan teknik menganalisis data yang melibatkan usaha dalam memproses data, memecahkannya kepada unit-unit yang terkawal, mensintesiskannya, mencari pola, mencari apa yang penting dan apa yang perlu dipelajari, dan memutuskan apa yang akan diberitahu kepada orang lain (Liamputtong & Ezzy, 2005)).

Secara keseluruhan, proses penganalisan data melibatkan tiga urutan aktiviti, iaitu penyaringan data (*data reduction*), persembahan data (*data display*), dan penulisan kesimpulan atau verifikasi (*conclusion*).

3. Dapatan Kajian

Fasa analisis keperluan melibatkan siasatan awal terhadap keperluan pembangunan Garis Panduan aktiviti Praktis Solat yang boleh digunakan oleh ibu bapa. Fasa ini membolehkan penyelidik memahami keperluan serta kekangan yang mempengaruhi pembangunan garis panduan ini.

3.1 Analisis Bahagian A – Demografik Responden

Jadual I: Demografik Responden

Aspek		Peratus (N)
Hubungan dengan Kanak-Kanak	Ibu	72.7% (8)
	Bapa	27.3% (3)
	Penjaga	0% (0)
Jantina	Lelaki	27.3% (3)
	Perempuan	72.7% (8)
Umur	20-29 Tahun	0% (0)
	30-39 Tahun	90.9% (10)
	40-45 Tahun	9.1% (1)
Bangsa	Melayu	100% (11)
	India	0% (0)
	Cina	0% (0)
Tahap Pendidikan Tertinggi	SPM	0% (0)
	STPM	0% (0)
	Diploma	0% (0)
	Sarjana Muda	63.6% (7)
	Sarjana	36.4% (4)
	Doktor Falsafah	0% (0)
Pekerjaan	Penjawat Awam	45.5% (5)
	Swasta	27.3% (3)
	Sendiri	27.3% (3)
Waktu pekerjaan	Shift	9.1% (1)
	Tiada Shift	90.9% (10)
Status Perkahwinan	Berkahwin	100% (11)
	Tidak Berkahwin	0% (0)
	Lain-lain	0% (0)
Aspek		Peratus (N)
Bilangan Anak	1-3 Tahun	72.7% (8)
	4-6 Tahun	100% (11)
	7-9 Tahun	36.4% (4)
	10 Tahun Keatas	18.2% (2)

Berdasarkan data yang diperolehi (rujuk Jadual I), daripada 11 responden, 8 responden perempuan (ibu) (72.7%) manakala responden lelaki (bapa) pula hanya seramai 3 orang (27.3%). Kajian ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden berusia dalam lingkungan 30an, iaitu seramai 10 orang (90.9%) dengan hanya satu orang responden yang berusia dalam lingkungan 40 hingga 45 tahun, iaitu mewakili 9.1% daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, 100% daripada responden adalah berbangsa Melayu kerana kajian ini melibatkan TADIKA Islamik. Untuk kategori tahap pendidikan tertinggi, kebanyakan responden iaitu 7 orang (63.6%) memiliki Ijazah Sarjana Muda dan baki 4 orang responden (34.4%) mempunyai Ijazah Sarjana. Daripada jumlah tersebut, 5 orang responden (45.5%) bekerja dalam sektor penjawat awam, 3 orang responden (27.3%) bekerja di syarikat swasta, dan 3 orang responden (27.3%) bekerja secara bebas. Kebanyakan responden (90.9%) tidak bekerja dengan shift dan hanya satu orang responden (9.1%) sahaja yang bekerja dengan shift. Kesemua responden mempunyai status perkahwinan yang sudah berkahwin. Bagi kategori bilangan anak, 8 orang responden (72.7%) mempunyai anak berumur antara 1 hingga 3 tahun, sementara 11 orang responden (100%) mempunyai anak berumur antara 4 hingga 6 tahun. Selain itu, 4 orang responden (36.4%) mempunyai anak berumur antara 7 hingga 9 tahun, manakala hanya 2 orang responden (18.2%) sahaja yang mempunyai anak berumur 10 tahun ke atas. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden dalam kajian ini terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang masih kecil, terutamanya kanak-kanak berumur antara 4 hingga 6 tahun

3.2 Analisis Bahagian B – Soalan Temubual

Bahagian ini akan menyumbang kepada pengumpulan maklumat berkenaan dengan kajian. Dapatan yang diperolehi daripada hasil temubual dengan sebelas responden tersebut adalah seperti dibawah.

Jadual 2 : Soalan Temubual 1

Soalan Temubual 1	Pada pandangan tuan / puan , apakah peranan utama ibu bapa dalam memastikan anak-anak melaksanakan perintah solat oleh Allah SWT ?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Perlu dan sebagai pembimbing utama utk anak-anak</i>	Kesimpulan dapatan daripada temubual ini jelas membuktikan bahawa kesemua responden bersetuju bahawa ibu bapa amat berperanan dalam memastikan anak-anak melaksanakan ibadah solat di mana pandangan yang diberikan menjurus kepada keperluan pendidikan solat dilakukan oleh para ibu bapa seperti membimbing, memantau, mengingatkan dan mengajar anak-anak tentang ibadah solat serta mempraktikkannya secara berjemaah.
P2	<i>Memantau dan mendidik anak solat dari kecil</i>	
P3	<i>Solat berjemaah</i>	
P4	<i>Sebolehnya solat berjemaah</i>	
P5	<i>Sentiasa ingatkan anak2 utk solat</i>	
P6	<i>Solat bersama-sama</i>	
P7	<i>Penting</i>	
P8	<i>Bagus</i>	
P9	<i>Mengingatkan mereka dan mengajak untuk solat bersama</i>	
P10	<i>Ajarkan anak2 solat.</i>	
P11	<i>kena ajar sendiri dan pastikan anak solat</i>	

Soalan Temubual 1 & Soalan Temubual 2 adalah bagi menjawab persoalan kajian No. 1 iaitu sama ada terdapat pemahaman ibu bapa tentang pelaksanaan aktiviti praktis solat kanak-kanak enam tahun?

Berdasarkan soalan kajian mengenai penglibatan dan pelaksanaan aktiviti praktis solat kanak-kanak di rumah, dapatan (rujuk Jadual II dan Jadual III) menunjukkan bahawa kesemua responden telah memberikan pandangan yang positif dan bersetuju bahawa penglibatan dan pelaksanaan aktiviti praktis solat di rumah sangat penting bagi perkembangan rohani kanak-kanak. Responden bersetuju bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan yang aktif dalam mengajarkan anak-anak tentang solat dan mempraktikkannya bersama-sama di rumah.

Jadual 3 : Soalan Temubual 2

Soalan Temubual 2	Apakah yang tuan/puan faham tentang pentingnya penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kerohanian anak-anak terutama tentang pelaksanaan solat?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Ya. Sebagai ikutan dan membantu menambah baik mutu solat anak-anak...</i>	Kesimpulan dapatan daripada temubual ini jelas menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa adalah sangat wajar dan penting penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kerohanian anak-anak terutama tentang pelaksanaan solat. Hal ini dapat dilihat kebanyakan pandangan daripada responden menyatakan bahawa ibu bapa adalah suatu role model dan ia mampu menjadi contoh yang terbaik kepada anak-anak.
P2	<i>Faham...</i>	
P3	<i>Disiplin. Wajib...</i>	
P4	<i>Sebagai role model...</i>	
P5	<i>Ya...</i>	
P6	<i>Sangat penting...</i>	
P7	<i>Faham...</i>	
P8	<i>Penting untuk proses mengenal Allah...</i>	
P9	<i>Contoh yang diberikan oleh ibu bapa akan menjadikan siapa anak kita pada masa hadapan...</i>	
P10	<i>Tanggungjawab sbg ibu bapa bagi memastikan anak2 solat utk membentuk asas dlm kehidupan seorang Muslim...</i>	
P11	<i>contoh paling baik, paling dekat...</i>	

Soalan Temubual 3, 4, 5, 6, 7 & 8 adalah bagi menjawab persoalan kajian No. 2 Adakah terdapat penglibatan dan pelaksanaan aktiviti praktis solat kanak-kanak di rumah?

Dapatan dari soalan 3 (Adakah tuan/puan melaksanakan aktiviti praktis solat bersama keluarga secara berjemaah di rumah? Jika Ya, bagaimanakah cara yang tuan/puan jalankan, di mana dan berapa lama masa diambil?) ini didapati ibu bapa melaksanakan solat berjemaah ketika berkesempatan iaitu ketika cuti, sebelum atau selepas bekerja dan ianya mengambil masa 5 hingga 20 minit di ruang tamu atau ruang bilik.

Dapatan soalan 4 (Adakah tuan/puan memastikan pelaksanaan solat fardhu dijalankan di awal waktu di rumah?) pula jelas menunjukkan kebanyakan responden memastikan mereka solat di awal waktu, namun ada juga yang menyatakan ia dilakukan jika tiada halangan.

Dapatan soalan no 5 (Adakah tuan/puan menyediakan ruang khas untuk bersolat dirumah?) pula menunjukkan rata-rata responden melakukan solat diruang bilik dan di ruang tamu namun ada juga yang menyediakan bilik khas untuk solat.

Dapatan soalan 6 (Adakah tuan/puan menyediakan alatan yang sesuai untuk aktiviti praktis solat anak-anak seperti sejadah, kopiah/songkok, telekung? Jika Ya, adakah ini menjadi pemangkin untuk anak untuk melakukan aktiviti praktis solat dirumah dan bagaimana reaksi anak?) ini, menunjukkan bahawa responden kajian telah berusaha untuk menyediakan alat-alat ibadah yang sesuai bagi anak-anak seperti sejadah, kopiah, songkok, dan telekung. Terdapat pandangan bahawa elemen-elemen ini dapat membantu meningkatkan minat dan mencipta perasaan kegembiraan dalam melaksanakan ibadah solat oleh kanak-kanak.

Berdasarkan dapatan daripada soalan 7 (Adakah tuan/puan menyediakan buku rujukan solat kanak-kanak yang sesuai untuk anak-anak dirumah?), didapati bahawa hanya sesetengah responden sahaja yang telah menyediakan buku rujukan solat yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Bagaimanapun, terdapat responden yang tidak menyediakan bahan rujukan tersebut dan lebih tertarik menggunakan bahan elektronik untuk membantu anak-anak dalam melaksanakan ibadah solat.

Jadual 4 : Soalan Temubual 8

Soalan Tembual 8	Adakah tuan/puan secara santai memberikan peringatan (tazkirah) ringkas mengenai pentingnya solat kepada anak-anak?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Ya...</i>	Kesimpulan dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden sentiasa memberi peringatan secara santai tentang pentingnya ibadah solat kepada anak-anak, namun terdapat juga responden yang jarang dan tidak langsung melaksanakan peringatan santai tentang indah solat ini kepada anak-anak mereka.
P2	<i>Kadang-kadang...</i>	
P3	<i>Ya...</i>	
P4	<i>Tidak...</i>	
P5	<i>Ya...</i>	
P6	<i>Ada... Dan tatacara betul dan salah perlakuan dalam solat.</i>	
P7	<i>Ya...</i>	
P8	<i>Ya ...</i>	
P9	<i>Jarang-jarang...</i>	
P10	<i>Ya...</i>	
P11	<i>ada...</i>	

Dapatan soalan 8 (Rujuk Jadual IV), menunjukkan bahawa majoriti responden sentiasa memberi peringatan secara santai tentang pentingnya ibadah solat kepada anak-anak, namun terdapat juga responden yang jarang dan tidak langsung melaksanakan peringatan santai tentang indah solat ini kepada anak-anak mereka.

Soalan Temubual 9, 10 & 11 adalah bagi menjawab persoalan kajian No. 3 Adakah cabaran penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak enam tahun?

Dapatan daripada Jadual V (soalan 9) menunjukkan kesemua responden dilihat tidak menyediakan suatu jadual solat kepada anak-anak mereka di rumah dan terdapat pandangan bahawa penyediaan jadual solat ini adalah amat baik dibangunkan dan disediakan.

Jelas dari dapatan soalan 10 (Adakah pihak tuan/puan merasakan perlu untuk kesinambungan aktiviti praktis solat diteruskan diluar waktu sekolah?), kesemua responden amat bersetuju tentang keperluan kesinambungan aktiviti praktis solat diteruskan diluar waktu sekolah.

Dapatan dari Jadual VI menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa mereka tidak mengalami kesukaran dalam membantu anak-anak melakukan aktiviti praktis solat di rumah. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden yang mengalami kesulitan seperti perlu memujuk anak-anak, mengingatkan mereka berulang kali, dan anak-anak tidak fokus ketika melakukan solat di rumah. Selain itu, terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa pasangan mereka bekerja dalam syif dan jarang berada di rumah, yang menyebabkan halangan dalam membantu anak-anak melaksanakan ibadah solat di rumah

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak berumur enam tahun. Hal ini kerana meskipun majoriti responden tidak mengalami kesukaran, masih terdapat segelintir responden yang memerlukan bantuan dalam membantu anak-anak melaksanakan ibadah solat di rumah. Oleh itu, garis panduan tersebut dapat membantu ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka mendapat bimbingan yang betul dalam aktiviti praktis solat.

Jadual 5 : Soalan Temubual 9

Soalan Tembual 9	Adakah tuan/puan menyediakan jadual solat anak-anak dirumah dan merasakan perlu ada jadual ini untuk membantu aktiviti praktis solat ini?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Tidak...</i>	Kesemua responden dilihat tidak menyediakan suatu jadual solat kepada anak-anak mereka di rumah dan terdapat pandangan bahawa penyediaan jadual solat ini adalah amat baik dibangunkan dan disediakan.
P2	<i>Masih belum apply...</i>	
P3	<i>Tidak...</i>	
P4	<i>Tidak...</i>	
P5	<i>Tidak...</i>	
P6	<i>Perlu ada...</i>	
P7	<i>Tidak tapi jadual adalah alternatif yang bagus untuk disiplin solat...</i>	
P8	<i>Tidak...</i>	
P9	<i>Tidak, tetapi lebih baik jika ada...</i>	
P10	<i>Tidak setakat ini...</i>	
P11	<i>tak perlu. masuk waktu je suruh solat...</i>	

Jadual 6 : Soalan Temubual 11

Soalan Temubual 11	Adakah pihak tuan/puan mempunyai kesukaran untuk membantu anak-anak melakukan aktiviti praktis solat dirumah?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Tidak</i> -	Rata-rata responden menyatakan tidak mempunyai kesukaran untuk membantu anak-anak melakukan aktiviti praktis solat dirumah. Namun segelintir responden menyatakan terdapat juga kesukaran di mana mereka perlu memujuk dan memberi habuan kepada anak-anak, berulang kali mengingatkan anak-anak dan anak tidak fokus dalam melakukan ibadat solat di rumah. Terdapat juga pandangan lain yang menyatakan bahawa pasangan mereka bekerja secara syif dan jarang berada di rumah kerana tuntutan kerja yang menyebabkan proses membantu anak-anak melakukan ibadah solat di rumah terhalang.
P2	<i>Ya</i> <i>Kerana faktor suami yang bekerja shift dan jarang berada dirumah dan saya yang terlibat dengan oncall covid...</i>	
P3	<i>Ya</i> <i>Perlu di pujuk atau di beri habuan...</i>	
P4	<i>Ya</i> <i>Anak tidak fokus dan selalu bermain..cuba ajak solat berjemaah...</i>	
P5	<i>Ya</i> <i>Perlu diajak dan diingatkan berulang-ulangkali. Kadang kala gagal...</i>	
P6	<i>Tidak</i> -	
P7	<i>Tidak</i> -	
P8	<i>Tidak</i> -	
P9	<i>Tidak</i> -	
P10	<i>Tidak</i> -	
P11	<i>Tidak</i> -	

Soalan temubual 12, 13, dan 14 dirumuskan bagi menjawab persoalan kajian ke-4 yang memfokuskan pada keperluan membangunkan garis panduan tersebut.

Dapatan daripada responden di dalam Jadual VII menunjukkan seramai empat orang responden menyatakan bahawa pihak TADIKA menyediakan senarai semak atau panduan untuk ibu bapa memantau aktiviti praktis solat dirumah, manakala seramai tiga responden menyatakan tidak, serta empat responden menyatakan kurang pasti. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak berumur enam tahun. Hal ini kerana majoriti responden tidak pasti dan menyatakan tidak terdapat senarai semak atau panduan yang boleh digunakan untuk memantau aktiviti praktis solat dirumah. Oleh itu, garis panduan tersebut dapat membantu ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka mendapat bimbingan yang betul dalam aktiviti praktis.

Jadual 7 : Soalan Temubual 12

Soalan Temubual 12	Adakah TADIKA memberi senarai semak atau panduan untuk ibu bapa memantau aktiviti praktis solat dirumah?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Ya...</i>	Dapatan daripada responden menunjukkan seramai empat responden menyatakan bahawa pihak TADIKA menyediakan senarai semak atau panduan untuk ibu bapa memantau aktiviti praktis solat dirumah, manakala seramai tiga responden menyatakan tidak, serta empat responden menyatakan kurang pasti.
P2	<i>Tidak pasti...</i>	
P3	<i>Not sure...</i>	
P4	<i>Ya...</i>	
P5	<i>Tidatiga responden pula menyatakan k...</i>	
P6	<i>Ya...</i>	
P7	<i>Ya...</i>	
P8	<i>Tidak pasti...</i>	
P9	<i>Kurang pasti...</i>	
P10	<i>Tidak...</i>	
P11	<i>Tidak</i>	

Jadual 8 : Soalan Temubual 13

Soalan Temubual 13	Bagaimanakah pihak TADIKA dapat membantu tuan/puan dan ibu bapa yang lain untuk memberikan komitmen sepenuhnya dalam penglibatan ibu bapa ini?	
Responden	Dapatan Temubual	Kesimpulan Dapatan
P1	<i>Di TADIKA guru mengajar hafalan, bacaan doa dan tertib bersolat. Dirumah mereka boleh mengikut bacaan dgn rukun-rukun...</i>	Rata-rata daripada pandangan responden menunjukkan terdapat kewajaran pihak TADIKA membantu para ibu bapa untuk memberikan komitmen sepenuhnya dalam penglibatan ibu bapa ini. Antara pandangan yang mencadangkan agar bantuan yang boleh diberikan dengan memberi tips dan garis panduan, video tentang solat, senarai semak, kit praktikal solat dan sebagainya.
P2	<i>Memberikan tips dan panduan...</i>	
P3	<i>Video solat...</i>	
P4	<i>Memberi garis panduan...</i>	
P5	<i>Memberi galakan...</i>	
P6	<i>Mungkin setahun dua kali solat beramai-ramai bersama cikgu dan anak-anak...</i>	
P7	<i>Hafazan bacaan solat...</i>	
P8	<i>Menjadikan solat sebahagian exam seperti PAFA Di sekolah...</i>	
P9	<i>Menyediakan checklist waktu solat...</i>	
P10	<i>Menyediakan kit solat yg menarik & praktikal. ...</i>	
P11	<i>sama2 praktis di sekolah...</i>	

Dapatan dari Jadual VIII menunjukkan bahawa secara purata, responden bersetuju bahawa adalah wajar bagi tadika untuk membantu ibu bapa dalam memberikan komitmen penuh dalam penglibatan aktiviti praktis solat kanak-kanak. Beberapa pandangan dicadangkan oleh responden, termasuk memberikan tips dan garis panduan, video berkaitan solat, senarai semak, kit praktikal solat, dan sebagainya untuk membantu memperbaiki penglibatan ibu bapa dalam memastikan aktiviti solat kanak-kanak dijalankan dengan lancar. Oleh itu, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pihak tadika perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangunkan strategi dan pendekatan untuk membantu ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak. Bantuan seperti yang dicadangkan oleh responden dapat membantu memastikan bahawa anak-anak mendapat bimbingan dan sokongan yang mencukupi dalam memperoleh pengetahuan dan keterampilan berkaitan solat, serta memperbaiki pengalaman dan kualiti kehidupan beragama mereka.

Dapatan dari soalan terakhir (Adakah pihak tuan/puan merasakan terdapat keperluan garis panduan untuk membantu penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat di rumah?), kebanyakan responden iaitu 9 orang dengan jelas menyatakan sokongan mereka terhadap pembangunan garis panduan yang dapat membantu penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat di rumah. Namun, hanya 2 orang responden yang berpendapat bahawa garis panduan tidak diperlukan kerana anak-anak akan mengikuti ibu bapa untuk melaksanakan solat bersama.

4. Kesimpulan

Tujuan kajian ini ialah untuk menghasilkan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti praktis solat kanak-kanak berumur enam tahun sebagai panduan kepada pendidik pendidikan awal kanak-kanak bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak. Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa dengan menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR), yang terdiri daripada analisis keperluan dalam fasa pertama, reka bentuk dan pembangunan garis panduan dalam fasa kedua, dan penilaian kebolegunaan dalam fasa ketiga.

Fasa analisis keperluan melibatkan komitmen penglibatan ibu bapa dalam aktiviti praktis solat kanak-kanak di luar tadika. Ini menjuruskan kepada keperluan pembangunan garis panduan sebagai rujukan ibu bapa dalam melaksanakan aktiviti tersebut di rumah. Dalam pernyataan masalah, terdapat keperluan dan keperluan untuk membangunkan garis panduan penglibatan ibu bapa melalui aktiviti praktis solat untuk kanak-kanak enam tahun.

Dapatan kajian pada Fasa Analisis Keperluan secara kesimpulannya menunjukkan bahawa Ibu Bapa mengakui keperluan untuk membangunkan garis panduan. Seluruh responden sepakat bahawa peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan anak-anak melaksanakan ibadah solat. Pandangan responden menitikberatkan pada keperluan pendidikan solat yang dilakukan oleh ibu bapa, seperti memberi bimbingan, pemantauan, pengingat dan pengajaran tentang ibadah solat serta mempraktikkannya secara berjemaah. Ini sejajar dengan pandangan Imam Al-Ghazali (Ghazali et al., 2008) yang menyatakan bahawa anak adalah amanah Allah SWT kepada ibu bapa. Oleh itu, tanggungjawab ibu bapa sangat besar dan perlu dilaksanakan dengan baik, seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Nashih Ulwan (Nurjanah et al., 2019), di mana ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab untuk membentuk kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya.

Oleh itu, penglibatan ibu bapa seperti yang terdapat dalam Teori Epstein, di mana sekolah perlu melibatkan keluarga untuk menyokong aktiviti pembelajaran di rumah dengan memberikan idea kepada ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah, sangat penting. Jenis penglibatan ini biasanya akan membantu pencapaian

serta perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Dalam konteks kajian ini, pembangunan garis panduan ibu bapa melalui aktiviti praktis solat adalah wajar dibangunkan untuk membantu ibu bapa.

Justeru penglibatan ibu bapa sepertimana didalam Teori Eipstein, sekolah perlu melibatkan keluarga untuk menyokong aktiviti pembelajaran di rumah dengan membekalkan idea kepada ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dalam aktiviti pembelajaran di rumah. Jenis penglibatan ini biasanya mempengaruhi pencapaian serta perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Dan didalam kontek kajian ini pembangunan garis panduan ibu bapa melalui aktiviti praktis solat adalah wajar dibangunkan untuk membantu ibu bapa.

Untuk langkah seterusnya, kajian ini akan diteruskan ke Fasa Kedua: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Garis Panduan dengan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) dan akhirnya garis panduan yang telah dibangunkan akan di uji keberkesannya di dalam Fasa Ketiga.

References

- Abdul Muqstith, A. (2018). *Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia / Abdul Muqstith Ahmad* [Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/>
- Aziz Rekan, A., Sarina Aini Tengku Kasim, T., & Md Yusoff, Y. (2016). Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik. *Jurnal Usuluddin*, 44(1), 117–140. <https://doi.org/10.22452/>
- Cooper, H., Robinson, J. C., & Patall, E. A. (2006). Does Homework Improve Academic Achievement? A Synthesis of Research, 1987–2003. *Review of Educational Research*, 76(1), 1–62. <https://doi.org/10.3102/00346543076001001>
- Dahalan, Z. (2009). Pendidikan Islam dalam pembelajaran prasekolah: Kajian terhadap kurikulum pengajaran beberapa prasekolah terpilih / Zulkifli Dahalan. *ESTEEM Academic Journal*, 5(2), 215–229. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/14823>
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir, & Salina Nen. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1), 84–93. <http://pkukmweb.ukm.my/e-bangi/>
- Ghazali, I., Fudhailurrahman, Aida, H., & Tim, S. (2008). *Ringkasan Ihya' 'Ulumuddin*. Sahara. <https://opac.perpusnas.go.id/DetailOpac.aspx?id=478860>
- Hussain, F. (2006). *Keruntuhan akhlak di kalangan remaja : suatu kajian di Alor Star* / [Universiti Malaya]. <https://myto.upm.edu.my/find/Record/u725940/Details#holdings>
- Ishak, S. (1998). *Penglibatan Ibu Bapa Di Prasekolah*. Universiti Utara Malaysia .
- Jalal, F. H., Harun, F., 'Ain, Ismail, N., & Samad, N. A. (2014). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Pusat Anak Permata Negara: Parental Involvement In Early Childhood Education In Pusat Anak Permata Negara. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 3, 36–61. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/778>
- Jeperi., M. J. M. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. Universiti Utara Malaysia.
- Joyce, C., & Hipkins, R. (2004). Young Children's Emergent Self-Regulated Learning Skills In A Primary Science Investigation. *New Zealand Association for Research in Education (NZARE) Conference*. www.nzcer.org.nz/pdfs/13891.pdf
- Jusoh, M., & Suhardi, M. (2004). *Pengabaian solat fardu di kalangan remaja : kajian di sekolah menengah di sekitar Pasir Puteh, Kelantan Mohd Suhardi Mat Jusoh*. Universiti Malaya.
- Kassim, N., Kassim, B., Hanim, F., & Jalal, A. (2015). *Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dan Modul Pendidikan Akhlak : Isu Dan Cabaran Masa Kini*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Liamputtong, P., & Ezzy, Douglas. (2005). *Qualitative research methods*. Oxford University Press. <https://www.worldcat.org/title/59268193>
- Mahamud, I. Y., Hassan, N. C., & Fakhrud, F. M. (2018). Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran Anak di rumah dan hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 5(1), 42–62.
- Nachiappan, S. (2014). *Panduan pendidikan awal kanak-kanak: teori, model, kaedah dan aktiviti ke arah perkembangan kognisi*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. <https://books.google.com.my/books?id=yOAqnQAACAAJ>
- Noh, N. M., Siraj, S., Halili, S. H., Jamil, M. R. M., & Husin, Z. (2019). Application of fuzzy delphi method as a vital element in technology as a tool in design thinking based learning. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 34, 129–151. <https://doi.org/10.21315/APJEE2019.34.7>
- Nurjanah, S., Ajmain, T., & Safar, J. (2019, October 1). Pendidikan Anak-Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*. https://www.researchgate.net/publication/341252351_Pendidikan_Anak-Anak_Menurut_Abdullah_Nasih_Ulwan
- Othman, L. (2006). *Penyelidikan kualitatif : pengenalan kepada teori dan metod (Cet. 1)*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Patton, M. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. SAGE Publications, inc. <https://psycnet.apa.org/record/1990-97369-000>
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues. *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*, 1–180. <https://doi.org/10.4324/9780203826034/DESIGN-DEVELOPMENT-RESEARCH-RITA-RICHEY-JAMES-KLEIN>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (5th Edition). *International Journal of Information Technology and Management - IJITM*.
- Sophia, S., & Reinhardt, M. A. (2016). *Parent Involvement in Kindergarten* [St. Catherine University]. <https://sophia.stkate.edu/maed/130>
- 'Ulwan, A. N., Saifullah Kamalie., Hery Noer Ali., & Anwar Rasyidi. (1996). *Pedoman pendidikan anak-anak dalam Islam Jilid 1-2 / Abdullah Nashih Ulwan*. Victory Agencie.,
- Yusof, K. H. (2011). *Pelaksanaan program amali solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) : kajian di sekolah menengah Daerah Hulu Langat / Kamarul Hazani bt Yusof*. Universiti Malaya.